



KUCING di bawah jagaan Nor Azhar diberi rawatan sehingga sihat.



PEKERJA memberi kucing makan.

Rumah istimewa untuk sang bulu

■ Ahli perniagaan beri perlindungan 300 kucing dipungut

Ernalisa Othman
am@hmetro.com.my

Jobor Bahru

“Saya tak boleh tengok kucing terbiar, apatah lagi melihat ada yang cedera. Saya akan kutip bawa balik dan bagi rawatan sehingga ia pulih,” kata pemilik Pusat Perlindungan Kucing Tiram, Nor Azhar Abdul Hamid, 46.

Bagi ahli perniagaan yang juga Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru itu, perasaan belas kasihan terhadap haiwan kesayangan Rasulullah SAW itu mendorong menubuhkan pusat perlindungan kucing terbiar di atas tanahnya di Jalan Haji Noh, Sungai Tiram, dekat sini.

Projek yang bermula sejak November tahun lalu, kini berjaya mengumpulkan lebih 300 kucing terbiar yang dikutip di sekitar Bandaraya Johor Bahru dan daerah ini.

“Saya lihat banyak kucing terbiar berkeliaran di kawasan pasar awam, gerai makan serta terminal teksi dan bas. “Sedih pula rasanya bila melihat ada segelintir manusia tergamak memukul dan menjirus air ke atas kucing-kucing yang minta makan daripada mereka.

“Dari saat itu, saya tekad buat rumah perlindungan untuk kucing terbiar dan cedera,” katanya buat masa ini sebahagian kucing yang dikutip dibawa pulang ke rumahnya sementara menunggu keseluruhan rumah perlindungan itu

siap kelak.

Katanya, apabila rumah perlindungan itu siap sepenuhnya, prasarana akan dilengkapi dengan tempat untuk haiwan itu tidur dan bermain.

“Rumah kucing ini mempunyai dua tingkat dibina di atas tanah saya di Sungai Tiram. Saya asingkan kucing jantan dan betina yang mana masing-masing menggunakan kandang sebesar 6 meter x 6 meter.

“Dilengkapi tempat bermain dan tidur serta tempat buang najis khas, rumah kucing yang bakal

siap sepenuhnya September ini dijangka mampu memberi perlindungan kepada kira-kira 700 kucing.

“Saya usahakan projek ini dengan keluaran kos sendiri dan rasanya tidak ada masalah selagi termampu untuk tanggung kos makanan

kucing dan pekerja yang saya ambil,” katanya.

Setakat ini, Nor Azhar menggaji empat pekerja bagi membantunya menguruskan kucing berkenaan membabitkan kos kira-kira RM5,000 sebulan termasuk makanan dan ubat-ubatan haiwan terbabit.

Selain membela kucing terbiar, menurut bapa kepada tiga anak itu, ada juga individu yang datang untuk mengambil dan menjaga haiwan itu yang mana dia tidak mengenakan sebarang kos.

“Setiap kucing terbiar yang saya kutip akan diberi rawatan dengan sebaik mungkin. Sebab itu apabila ada yang datang ke sini dan berkenaan untuk mengambil haiwan itu sebagai peliharaan, saya gembira dan tidak kenakan sebarang bayaran,” katanya.



NOR Azhar menjaga kucing terbiar yang sakit.



FAKTA
Belanja RM5,000 sebulan termasuk makanan dan ubat



SUNSIK LIVELY CLEAN & FRESH BAHARU RAMBUT BERSIH & SEGAR SEPANJANG HARI

sunsilk